

# HUBUNGAN ANTARA KEBIMBANGAN PRA PERTANDINGAN DAN ORIENTASI MATLAMAT DALAM KALANGAN ATLET HOKI

Rosli Saadan<sup>1</sup>, Lim Boon Hooi<sup>2</sup>, Hamdan Mohd Ali<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka, Malaysia.

<sup>2</sup>Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.

Emel: roslisaadan@utem.edu.my, lboonhooi62@gmail.com,  
hamdanrunner@hotmail.com

## ABSTRAK

*Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti hubungan antara kebimbangan pra-pertandingan dengan orientasi matlamat dalam kalangan atlet hoki. Selain itu kajian juga bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan orientasi matlamat dan tahap kebimbangan pra-pertandingan dalam kalangan atlet berlainan jantina. Subjek terdiri daripada 144 atlet (72 lelaki dan 72 perempuan) yang berumur antara 15 hingga 18 tahun. Soal selidik Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire (TEOSQ; Duda & Nicholls, 1992). Soal selidik TEOSQ yang akan digunakan adalah TEOSQ yang telah dialih bahasa oleh Shaharudin (1998) ke dalam Bahasa Melayu. Kebolehpercayaan TEOSQ yang telah diterjemahkan oleh Shaharudin (1998) ialah 0.80 bagi orientasi tugas dan 0.76 bagi orientasi ego. Manakala Soal selidik Revised Competitive State Anxiety Inventory-2 (CSAI-2R) yang dibentuk oleh Cox et al., (2003) yang telah dialih bahasa oleh Hairul Anuar Hashim & Erie-Zuraidee Zulkifli (2010) ke dalam Bahasa Melayu digunakan untuk mengukur tahap kebimbangan pra-pertandingan dalam sukan. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara subskala orientasi tugas dengan kebimbangan kognitif dan kebimbangan kognitif dengan kebimbangan somatik. Dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara atlet lelaki dan perempuan bagi subskala orientasi tugas, orientasi ego dan kebimbangan kognitif. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi subskala kebimbangan somatik dan keyakinan diri.*

**KATA KUNCI:** *orientasi matlamat, kebimbangan, orientasi tugas, orientasi ego*

## ABSTRACT

*The aim of this study was to determine the relationship between pre-competition anxiety and goal orientation among hockey athletes. In addition, the differences of the level of pre-competition anxiety and goal orientation between genders were also analyzed. The participants consisted of 144 athletes (72 males and 72 females). Revised Competitive State Anxiety Inventory-2 (CSAI-2R; Cox et al., (2003) and Task and Ego Orientation in Sport (TEOSQ; Duda & Nicholls, 1992) and were used. The results showed a significant relationship between the task orientation and cognitive anxiety and cognitive anxiety and somatic anxiety. The results also indicated there were significant differences between men and women for the task orientation, ego orientation and cognitive anxiety. However, there was no significant difference between somatic anxiety and self-confidence.*

**KEYWORDS:** *anxiety, task orientation, ego orientation, self-confidence*

## 1.0 PENGENALAN

Dalam budaya sukan semasa, terdapat banyak faktor psikologi yang mempengaruhi seseorang atlet untuk mencapai kejayaan dalam sukan. Salah satu faktor psikologi yang memainkan peranan penting adalah kebimbangan. Speilberger (1966) telah mentakrifkan kebimbangan sebagai sesuatu keadaan fisiologikal yang menyebabkan seseorang itu cepat cemas dan risau tanpa dapat dikaitkan dengan sesuatu sebab. Weinberg & Gould (1999) pula menyatakan kebimbangan sebagai keadaan emosi negatif yang mempunyai ciri-ciri ketakutan, bimbang dan dikaitkan dengan kebangkitan dalam badan. Kebimbangan dicetuskan oleh rangsangan tekanan disebabkan penyesuaian pada fisiologi tubuh badan, tingkah laku, dan kognitif dan akan menjejaskan prestasi atlet (Tamorri, 2004). Perasaan ini datang dengan tiba-tiba dan mempengaruhi seluruh perasaan dan tubuh badan individu. Kebimbangan pra-pertandingan adalah keadaan kebangkitan pada fisiologi tubuh yang positif atau negatif dan berlaku pada diri seseorang individu sepanjang hayat 24 jam sebelum suatu pertandingan dijalankan (Tamorri, 2004). Kebimbangan dalam kalangan atlet biasanya berlaku dalam tempoh 24 jam sehingga masa pertandingan dan dikenali sebagai kebimbangan pra-pertandingan. Kajian telah mengesahkan bahawa tahap kebimbangan pra pertandingan boleh menjejaskan prestasi seseorang atlet (Burton, 1988; Dominikus *et al.*, 2009; Jones & Swain, 1992).

Kebimbangan terdiri daripada dua komponen utama, iaitu kebimbangan kognitif dan kebimbangan somatik, yang boleh mempengaruhi prestasi seseorang atlet sebelum dan semasa pertandingan (Anshel, 2003; Jarvis, 2002; Lazarus, 1991; Martens *et al.*, 1990; Weinberg & Gould, 1999). Kebimbangan kognitif melibatkan komponen mental, jangkaan negatif tentang kejayaan atau penilaian sendiri, bimbang tentang prestasi serta kurang berkeyakinan pada diri sendiri, imej kegagalan, ketidakupayaan untuk menumpukan perhatian dan terganggu perhatian (Jarvis, 2002; Martens *et al.*, 1990). Kebimbangan somatik pula merujuk kepada simptom biologiikal seperti darah gemuruh, ketegangan, tekanan darah tinggi, tekak kering, ketegangan otot, denyutan jantung yang kencang dan tapak tangan berpeluh (Jarvis, 2002; Martens *et al.*, 1990). Manakala keyakinan diri pula adalah kepercayaan seseorang individu mempersembahkan sesuatu perlakuan untuk mencapai matlamat tertentu dan dia berkemampuan mengawal persekitarannya (Woodman & Hardy, 2001).

Selain itu, tumpuan perhatian seseorang itu terganggu dan menjadikannya rimas, gelisah atau cepat marah serta mudah terkejut (Mohd Sofian Omar Fauzee, 2003). Apabila seseorang atlet mengalami satu tekanan seperti takut tidak dapat memberi persembahan permainan yang terbaik, ini menunjukkan tanda-tanda dia sedang mengalami perasaan tertekan dan bimbang. Atlet juga berasa dirinya tidak berguna dalam pasukannya. Ini menyebabkan prestasi permainannya terus turun dan persembahannya begitu hambar dan tidak seperti yang diharapkan oleh semua pihak. Keadaan fizikal atlet tersebut juga berubah secara mendadak di mana denyutan jantungnya bertambah kencang, mulut berasa kering dan dahaga serta muka berubah menjadi pucat (Mohd Sofian Omar Fauzee, 2003).

Beberapa penyelidik percaya bahawa kebimbangan kompetitif mempunyai kesan yang besar ke atas motivasi seseorang atlet. Dalam sukan, motivasi adalah penting kerana memberi kesan mengapa dan bagaimana atlet mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti sukan yang mereka pilih, kaedah penguasaan sesuatu kemahiran dan bagaimana seseorang individu mempersembahkan dalam pertandingan yang kompetitif (Chin, Khoo & Low, 2012). Orientasi matlamat merujuk kepada situasi pencapaian sebagai objektif dan matlamat utama dalam penyertaan dalam sukan dengan menunjukkan tahap kebolehan yang tinggi (Williams, 1994). Nicholls (1984) pula mengatakan bahawa orientasi matlamat ditentukan oleh matlamat yang ingin dicapai oleh seseorang individu. Nicholls (1984), membahagikan orientasi matlamat kepada dua iaitu orientasi matlamat tugasan dan orientasi matlamat ego. Orientasi tugasan merujuk kepada kebolehan seseorang individu

menguasai sesuatu kemahiran dan kejayaan yang dicapai adalah melalui usaha sendiri (Nicholls, 1984; Smoll, Smith & Cumming, 2007). Individu berorientasi tugas merasa kejayaan yang dicapainya adalah atas usaha sendiri tanpa membandingkan dengan individu lain (Moreno-Murcia *et al.*, 2011). Oleh itu, kejayaan seseorang atlet adalah hasil usaha atlet itu sendiri dan dipamerkan dalam pertandingan sukan.

Manakala orientasi ego pula merujuk kepada kebolehan seseorang atlet mencapai sesuatu kejayaan dengan hanya menunjukkan kelebihan mereka berbanding dengan individu lain. Kejayaan diukur secara normatif berdasarkan kemampuan mengatasi orang lain. Mereka juga menggunakan perbandingan sosial sebagai satu strategi untuk memperolehi kejayaan yang membanggakan (Duda *et al.*, 1991). Pencapaian diperolehi dengan mengalahkan pihak lawan dengan cara yang begitu mudah. Bagi atlet ini, persepsi tentang kebolehan diri lebih penting dari kerja kuat atau pun usaha yang gigih. Atlet orientasi ego lebih cenderung untuk memilih tugas-tugas yang lebih mudah di mana mereka merasa mereka berpeluang memperolehi sesuatu kejayaan (Tyson *et al.*, 2009).

Fokus kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kebimbangan pra-pertandingan serta corak orientasi matlamat atlet hoki bawah 18 tahun. Tujuan kajian ini juga adalah untuk mengenalpasti hubungan antara orientasi matlamat dengan kebimbangan pra-pertandingan dalam kalangan atlet hoki bawah 18 tahun. Selain itu kajian juga bertujuan untuk mengenalpasti perbezaan orientasi matlamat dengan tahap kebimbangan pra pertandingan di kalangan atlet berlainan jantina.

## **1.1 Objektif Kajian**

- a. Mengetahui pasti tahap kebimbangan pra-pertandingan dan orientasi matlamat dalam kalangan atlet hoki lelaki dan perempuan bawah 18 tahun.
- b. Mengetahui pasti hubungan antara tahap kebimbangan pra-pertandingan dan orientasi matlamat dalam kalangan atlet hoki lelaki dan perempuan bawah 18 tahun.
- c. Mengetahui pasti perbezaan antara tahap kebimbangan pra-pertandingan dan orientasi matlamat dalam kalangan atlet hoki lelaki dan perempuan bawah 18 tahun.

## **1.2 Persoalan kajian:**

- a. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara subskala kebimbangan pra-pertandingan dan orientasi matlamat dalam kalangan atlet hoki bawah 18 tahun.
- b. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan subskala kebimbangan pra-pertandingan di antara atlet hoki lelaki dan perempuan bawah 18 tahun?
- c. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan subskala orientasi matlamat di antara atlet hoki lelaki dan perempuan bawah 18 tahun?

## **2.0 METODOLOGI**

### **2.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan kajian deskriptif. Kajian ini berbentuk tinjauan dengan mengumpulkan data berdasarkan kepada borang kaji selidik yang diedarkan dan dijawab oleh sampel kajian.

### **2.1 Subjek Kajian**

Seramai 144 yang terdiri daripada 72 atlet lelaki dan 72 atlet wanita dan berumur antara 15 hingga 18 tahun mengambil bahagian dalam kejohanan hoki Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia. Subjek dipilih di kalangan atlet hoki lelaki dan perempuan daripada pasukan negeri Negeri Sembilan, Kuala Lumpur, Selangor dan Melaka.

### **2.3 Instrumen Kajian**

Soal selidik digunakan untuk mengumpul maklumat. Set tersebut adalah (i) Soal Selidik Maklumat Diri; (ii) Soal selidik Task and Ego Orientation in Sport Questionnaire (TEOSQ; Duda & Nicholls, 1992). Soal selidik TEOSQ yang digunakan adalah TEOSQ yang telah dialih bahasa oleh Shahrudin (1998) ke dalam Bahasa Melayu. Kebolehpercayaan TEOSQ yang telah diterjemahkan oleh Shahrudin (1998) ialah 0.80 bagi orientasi tugas dan 0.76 bagi orientasi ego dan (iii) Soal selidik Revised Competitive State Anxiety Inventory-2 (CSAI-2R) yang dibentuk oleh Cox *et al.*, (2003) dan telah dialih bahasa oleh Hairul Anuar Hashim & Erie-Zuraidee Zulkifli (2010) ke dalam Bahasa Melayu. Kebolehpercayaan CSAI-2R yang telah diterjemahkan ialah 0.65 bagi kebimbangan somatik, 0.77 bagi kebimbangan kognitif dan 0.76 bagi keyakinan diri.

### 3.0 DAPATAN KAJIAN

Kaedah statistik diskriptif dan statistik inferensi dengan menggunakan pengaturcaraan Statistical Package of the Social Science (SPSS versi 22.0) untuk menganalisis dan menginterpretasi data. Data yang diperoleh disusun, diringkas dan dipamerkan dalam bentuk yang mudah difahami. Data mentah yang dikumpul daripada soal selidik demografi kajian ini dianalisis dengan menggunakan jumlah bilangan dan peratusan.

Jadual 1: Taburan subjek berdasarkan bangsa

Bangsa	Frekuensi	Peratus
Melayu	125	86.8
Cina	3	2.1
India	15	10.4
lain-lain	1	.7

Jadual 1 menunjukkan taburan subjek berdasarkan bangsa. Daripada 144 orang subjek, seramai 125 orang (86.8%) adalah berbangsa Melayu, 3 orang (2.1%) orang berbangsa Cina, 15 orang (10.4%) orang berbangsa India dan seramai 1 orang (.7%) dari lain-lain bangsa.

Jadual 2: Taburan subjek berdasarkan posisi dalam permainan hoki

Posisi	Frekuensi	Peratus
Pertahanan	61	42.4
Serangan	83	57.6

Jadual 2 menunjukkan taburan subjek berdasarkan posisi dalam permainan hoki. Daripada 144 orang subjek seramai 61 orang (42.4%) adalah dari posisi pertahanan dan seramai 83 orang (57.6%) dari posisi serangan.

Jadual 3: Taburan subjek berdasarkan mewakili hoki di peringkat tertinggi

Peringkat tertinggi	Frekuensi	Peratus
Negeri	137	95.1
Negara	7	4.9

Jadual 3 menunjukkan taburan subjek berdasarkan peringkat tertinggi yang pernah diwakili. Dapatan menunjukkan daripada 144 orang subjek seramai 137 orang (95.1%) pernah mewakili negeri manakala seramai 7 orang (4.9%) pernah mewakili negara dalam permainan hoki.

Jadual 4: Min dan Sisihan Piawai Subskala TEOSQ and Subskala CSAI-2R Lelaki dan Perempuan.

Subskala	Lelaki		Perempuan	
	Min	SD	Min	SD
Orientasi Tugas	3.80	.67	4.09	.45
Orientasi Ego	3.27	.77	2.90	.88
Kebimbangan Kognitif	2.30	.58	2.68	.59
Kebimbangan Somatik	1.95	.50	1.99	.52
Keyakinan Diri	2.68	.64	2.60	.56

Jadual 4 menunjukkan min dan sisihan piawai subskala TEOSQ dan subskala CSAI-2R bagi atlet lelaki dan perempuan. Dapatan menunjukkan atlet perempuan mempunyai orientasi tugas yang tinggi ( $M=4.09$ ;  $SD=.45$ ) berbanding atlet lelaki ( $M=3.80$ ;  $SD=.67$ ). Bagi orientasi ego, atlet lelaki ( $M=3.27$ ;  $SD=.77$ ) mempunyai skor yang tinggi berbanding atlet perempuan ( $M=2.90$ ;  $SD=.88$ ). Bagi subskala keseimbangan kognitif pula atlet lelaki ( $M=2.30$   $SD=.58$ ) mempunyai tahap keseimbangan yang rendah berbanding perempuan ( $M=2.68$ ;  $SD=.59$ ). Bagi subskala keseimbangan somatik, atlet lelaki ( $M=1.95$ ;  $SD=.50$ ) mempunyai tahap keseimbangan yang rendah berbanding perempuan ( $M=1.99$ ;  $SD=.52$ ). Bagi keyakinan diri pula, atlet lelaki ( $M=2.68$ ;  $SD=.64$ ) mempunyai tahap keyakinan yang tinggi berbanding atlet perempuan ( $M=2.60$ ;  $SD=.56$ ).

Jadual 5: Hubungan antara subskala TEOSQ subscales and CSAI-2R

	1	2	3	4	5
1. Orientasi Tugas	-	.149	.290**	.103	.017
2. Orientasi Ego		-	-.066	-.022	.058
3. Kebimbangan Kognitif			-	.410**	-.005
4. Kebimbangan Somatik				-	-.140
5. Keyakinan diri					-

\* Korelasi signifikan pada paras 0.01 (2-tail)

Jadual 5 menunjukkan hubungan antara subskala TEOSQ dengan subskala CSAI-2R. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara subskala orientasi tugas dengan keseimbangan kognitif ( $r=.290$ ;  $p<.001$ ) dan keseimbangan kognitif dengan keseimbangan somatik ( $r=.410$ ;  $p<.001$ ).



Jadual 6: Ujian-t Untuk Sampel Bebas Orientasi Matlamat & Kebimbangan Antara Atlet Lelaki dan Atlet Perempuan

Orientasi Matlamat & Kebimbangan	<i>t</i>	<i>df</i>	<i>Sig. (2-tailed)</i>
Orientasi Tugas	-3.162	142	.002
Orientasi Ego	2.690	142	.008
Kebimbangan kognitif	-4.007	142	.000
Kebimbangan Somatik	-.515	142	.608
Keyakinan Diri	.805	142	.422

\*Signifikan pada paras 0.05

Jadual 6 menunjukkan keputusan Ujian-t untuk sampel bebas bagi orientasi matlamat dan kebimbangan pra-pertandingan dalam kalangan atlet lelaki dan atlet perempuan. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara atlet lelaki dan perempuan bagi subskala orientasi tugas ( $t = -3.162$ ;  $p < .05$ ), orientasi ego ( $t = 2.690$ ;  $p < .05$ ) dan kebimbangan kognitif ( $t = -4.007$ ;  $p < .05$ ). Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi subskala kebimbangan somatik ( $t = -.515$ ;  $p > .05$ ) dan keyakinan diri ( $t = .805$ ;  $p > .05$ ).

#### 4.0 PERBINCANGAN

Dapatan menunjukkan orientasi matlamat atlet perempuan ( $M = 4.09$ ) lebih tinggi daripada atlet lelaki ( $M = 3.80$ ). Manakala untuk subskala orientasi ego, atlet lelaki memperoleh skor yang tinggi berbanding atlet perempuan ( $M = 3.27$ ) berbanding atlet perempuan ( $M = 2.90$ ). Secara keseluruhan atlet lelaki dan atlet perempuan mempunyai corak orientasi tugas yang tinggi berbanding orientasi ego. Dapatan kajian ini sejajar dengan dapatan kajian lampau yang mengkaji corak orientasi matlamat di kalangan atlet di Asia (Li *et al.*, 1996b; Byoung & Gill, 1997; Lee Kim Sim, 2001; Aris Fazil, 2005). Orientasi matlamat yang diamalkan oleh atlet hoki didapati sama dengan corak orientasi matlamat remaja negara lain di Asia yang cenderung kepada orientasi matlamat yang berorientasi tugas (Li *et al.*, 1996b; Byoung & Gill, 1997; Lee Kim Sim, 2001; Aris Fazil, 2005; Rosli, 2006, Rosli *et al.*, 2008). Li *et al.*, (1996b) dalam kajian ke atas atlet remaja Taiwan dan Thailand melaporkan corak orientasi matlamat atlet remaja di Taiwan dan Thailand lebih berorientasi tugas. Begitu juga dengan kajian yang dijalankan ke atas atlet remaja di Korea (Byoung & Gill, 1997) dan Tepei (Lee Kim Sim, 2001). Kedua-dua kajian yang dijalankan melaporkan corak orientasi matlamat remaja dan Tepei cenderung kepada yang berorientasi tugas berbanding ego.



Menurut Li *et al.*, (1996b), dalam kajian ke atas remaja Taiwan dan Thailand melaporkan orientasi matlamat atlet remaja di Taiwan dan Thailand lebih berorientasi tugas akan menjadikan seseorang atlet mempunyai etika kerja yang kuat dan tabah menghadapi kegagalan. Atlet berorientasi tugas juga tidak mudah kecewa dan tidak mengalami motivasi yang rendah apabila prestasi orang lain lebih baik daripada prestasinya (Weinberg & Gould, 1999). Atlet berorientasi tugas mentafsir penambahbaikan kemahiran atau mempertingkatkan pencapaian atau rekod terbaik mereka sebagai suatu kejayaan (Hiroaki, *et al.*, 2002). Selain itu atlet berorientasi tugas juga memperoleh keseronokan terhadap usaha yang bersungguh-sungguh berkait dengan penglibatan mereka dalam sukan. (Duda, 1989). Oleh itu atlet hoki lebih cenderung mengamalkan corak orientasi matlamat tugas dan mempunyai matlamat untuk mencapai prestasi yang tinggi.

Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara subskala orientasi tugas dengan kebimbangan kognitif. Dapatan ini menunjukkan bahawa atlet hoki yang mempunyai skor yang tinggi bagi orientasi tugas mengalami kebimbangan menjelang sesuatu pertandingan. Dapatan juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara orientasi tugas dengan kebimbangan somatik. Ini adalah disebabkan atlet yang berorientasi tugas mementingkan penguasaan perlakuan kemahiran dan memahami kepentingan latihan untuk menguasai kejayaan (Duda, 1989; Lochbaum & Robert, 1993). Mereka yakin melalui latihan mereka dapat menguasai kemahiran dan memperoleh kejayaan. Dapatan kajian ini bertentangan dengan dengan kajian yang dijalankan oleh White & Zellner (1996) yang melaporkan atlet yang memperoleh skor yang tinggi bagi orientasi ego mengalami kebimbangan menjelang pertandingan. Perbincangan ini dapat diperkukuhkan dengan meneliti beberapa kajian yang telah dijalankan (Duda, 1989; Lochbaum & Robert, 1993; William, 1994).

## **5.0 KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya dapatan menunjukkan atlet perempuan lebih bercorak orientasi tugas manakala atlet lelaki pula berorientasi ego. Bagi subskala kebimbangan pula, atlet lelaki mempunyai tahap kebimbangan kognitif dan somatik yang rendah berbanding perempuan. Selain itu atlet lelaki mempunyai tahap keyakinan diri yang tinggi berbanding atlet perempuan. Dapatan juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi subskala orientasi tugas, orientasi ego dan kebimbangan kognitif antara atlet lelaki dan perempuan. Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan bagi subskala kebimbangan somatik dan keyakinan diri.

Berdasarkan perbincangan dan kesimpulan kajian, penyelidik ingin menyarankan beberapa cadangan untuk kajian lanjutan dalam mengkaji orientasi matlamat dan kebimbangan pra-pertandingan di kalangan atlet. Kajian berkaitan dengan orientasi matlamat dan kebimbangan pra-pertandingan perlu dikaji lebih terperinci dengan melibatkan sampel yang lebih besar dan populasi yang terlibat sukan individu dan berpasukan. Cadangan ini adalah untuk mendapat pandangan dan dapatan yang lebih menyeluruh mengenai orientasi matlamat dan kebimbangan pra-pertandingan di kalangan atlet di Malaysia.

## RUJUKAN

- Aris Fazil Haji Ujang. (2005). *Kebimbangan pra pertandingan dan orientasi matlamat di kalangan peserta merentas desa*. Universiti Putra Malaysia. Disertasi yang tidak diterbitkan.
- Anshel, M.H. (2003). *Sport psychology: from theory to practice*. New York: Benjamin Cummings.
- Burton, D. (1988). Do Anxious Swimmers Swim Slower? Re-examining the Elusive Anxiety-Performance Relationship. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 10, 45-61.
- Byoung, J.K., & Gill, D. L. (1997). Psychological correlates of achievement goal orientation in Korea youth sport. *Journal of Applied Psychology*, (suppl.) S22.
- Chin, N. S., Khoo, S., & Low, W. Y. (2012). Self-Determination and Goal Orientation in Track and Field. *Journal of Human Kinetics*, 33(1), 151-161.
- Cox, R.H., Martens, M.P., & Russell, W.D. (2003). Measuring anxiety in athletics: The revised Competitive State Anxiety Inventory-2. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 25, 519-533.
- Dominikus D., Fauzee O.S.M., Abdullah M.C., Meesin C, Choosakul C. (2009). Relationship between mental skill and anxiety interpretation in secondary school hockey athletes. *European Journal of Social Science*, 9 (4): 651-658.
- Duda, J.L. (1989). Relationship between task and ego orientation and the perceived purpose of sport among high school athletes. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 11, 318-335.
- Duda, J. L., & Nicholls, J. G., (1992). Dimensions of achievement motivation in schoolwork and sport. *Journal of Educational Psychology*, 3, 290-299.
- Duda, J. L., Olson, L.K., & Templin, T.J. (1991). The relationship of Task and Ego Orientation to sportsmanship Attitudes and the perceived legitimacy of injurious acts. *Research Quarterly for Exercise and Sport*, 62, 79-87.

- Hairul Anuar Hashim & Erie-Zuraidee Zulkifli. (2010). Analysis of the Factorial Validity and Reliability of the Malay Version of the Revised Competitive State Anxiety Inventory-2. *British Journal of Sports Medicine* 2010, Volume 44, 58-59.
- Haroaki Wakayama, Eiji Watanabe & Kimihiro Inomoto. (2002). Exploratory factor analysis of sport orientation questionnaire and the task and ego orientation in sport questionnaire in a Japanese sport setting. *Perceptual and Motor Skills*, 95, 1179-1186.
- Jarvis, M. (2006). *Sport psychology: A student's handbook*. New York: Routledge.
- Jones G., Swain A. (1992). Intensity and direction as dimensions of competitive state anxiety and relationships with competitiveness. *Perceptual and Motor Skills*, 74, 467-472.
- Lazarus, R. S. (1991). *Emotion and adaptation*. New York: Oxford University Press.
- Lee Kim Sim. (2001). *Goal orientation and competitive sport anxiety*. <http://wwwnew.hjc.edu.sg/>.
- Li, F., Harmer, P., Chi, L., & Vongjaturapat, N. (1996b). Cross-culture validation of the task and ego orientation in sport questionnaire. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 18, 392-407.
- Lochbaum, M.R. & Robert, G.C. (1993). Goal orientations and perceptions of sport experience. *Journal of Sport and Exercise Psychology*, 15, 160-171.
- Martens R., Burton, D., Vealey R., Bum L., Smith D. (1990). The development of the Competitive State Anxiety Inventory-2 (CSAI-2), (in:) R. Martens, R.S. Vealey & D. Burton (eds). *Competitive anxiety in sport*. Champaign, IL: *Human Kinetics* 1990, 117-190.
- Mohd Sofian Omar Fauzee. (2003). *Penyelesaian masalah atlet melalui pendekatan psikologi*. Utusan Publication, Kuala Lumpur.
- Moreno-Murcia, J.A, Sicilia, A, Cervelló E, Huéscar E, Dumitru, D.C. (2011). The relationship between goal orientations, motivational climate and self-reported discipline in physical Education. *Journal Sport Science Medicine*, 11(1), 1119-129.
- Nicholls, J. G. (1984). Achievement motivation: conceptions of ability, subjective experience, task choice, and performance. *Psychological Review*, 91, 275-290.
- Rosli Saadan. (2006). *Corak orientasi matlamat pemain hoki bawah 12 tahun Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia*. Prosiding Teluk Danga International Games Convention 2006.
- Rosli Saadan, A.Jawahir & Hassan. (2008). *Corak orientasi matlamat pemain hoki Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia*. Prosiding Seminar Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial 2008.

- Smoll, F.L., Smith, R. E., & Cumming, S. P. (2007). Effects of a motivational climate intervention for coaches on changes in young athletes' achievement goal orientations. *Journal of Clinical Sport Psychology, 1*, 23-46.
- Spielberger, C. D. (1966). Theory and research on anxiety. In CD. Spielberger (Ed.), *Anxiety and behavior* (pp. 3-20). New York: Academic Press.
- Tamorri, S. (2004). *Neuroscience and sport: Sport psychology, an athlete's mental processes*. Barcelona: Paidotribo.
- Tyson, D.F., Linnenbrink, G.L., & Hill N.E. (2009). Regulating debilitating emotions in the context of performance: Achievement goal orientations, achievement-elicited emotions, and socialization contexts. *Human Development, 52*, 329-56.
- Weinberg, R.S., & Gould, D. (1999). *Foundations of sport and exercise psychology*. Champaign, IL: Human Kinetics.
- Williams, L. (1994). Goal orientations and athletes' preferences for competence information. *Journal of Sport & Exercise Psychology, 19*, 416-430.
- White, S. A., & Zellner, S. R. (1996). The relationship between goal orientation, beliefs about the causes of sport success, and trait anxiety among high school, intercollegiate, and recreational sport participants. *The Sport Psychologist, 10*, 58-72.
- Woodman, T. & Hardy, L. (2001). Stress and anxiety. In R. Singer, H. A. Hausenblas, & C. M. Janelle (Eds.), *Handbook of research on sport psychology*. New York: Wiley.